

BH 20 SEP 2002

Perdana Menteri akan hadir Asem 4

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Mahathir Mohamad akan berlepas ke London malam esok dalam perjalanan menghadiri Mesyuarat Asia-Eropah Keempat (Asem 4) di Copenhagen, Denmark, dari 21 hingga 24 September.

Dari London, Perdana Menteri dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali akan ke Copenhagen Ahad ini.

Selain menghadiri mesyuarat ketua-ketua negara anggota Asem selama tiga hari, Perdana Menteri yang mempunyai jadual ketat, akan mengadakan beberapa pertemuan tidak rasmi dengan pemimpin Eropah dan Asia, termasuk Presiden Perancis, Jacques Chirac; Perdana Menteri Itali, Silvio Berlusconi dan Presiden Suruhanjaya Eropah, Romano Prodi.

Di samping itu, beliau dijangka mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatan dari Denmark, Anders Fogh Rasmussen dan Perdana Menteri Ireland, Bertie Ahern.

Asem menghimpunkan ketua kerajaan 25 negara, iaitu 10 dari Asia - Malaysia, Brunei, Filipina, Singapura, Thailand, Vietnam, Indonesia, China, Jepun, Korea Selatan dan 15 negara Kesatuan Eropah (EU) dan Suruhanjaya Eropah (EC).

Asem ialah sebuah forum untuk dialog dan kerjasama tidak formal antara negara Asia Timur dan Eropah.

Tiga bidang utama kerjasama dalam Asem ialah politik, ekonomi dan kebudayaan dengan matlamat untuk mengukuhkan hubungan tradisi antara dua rantau dalam semangat saling menghormati dan perkongsian yang adil.

Mesyuarat ketua negara Asem diadakan setiap dua tahun sekali, dengan yang pertama diadakan di Bangkok pada 1996, diikuti London (1998), Seoul (2000).

Sebaik tiba di Copenhagen Ahad ini, Dr Mahathir akan menghadiri mesyuarat pramajlis, sebelum ke Bella Center, di mana beliau akan menyertai mesyuarat ketua negara dan Asia.

Pada keesokan hari, Perdana Menteri akan menghadiri dialog politik bertajuk 'Keadaan Antarabangsa Selepas Peristiwa 11 September dan Isu Keselamatan Baru', iaitu perbincangan tertutup pertama membabitkan semua ketua negara Asem.

Pada Isnin, Dr Mahathir akan menghadiri dialog tertutup kedua merangkumi isu ekonomi bertajuk 'Kerjasama Ekonomi: Keutamaan Kepada Kewangan dan Ekonomi Serantau Dalam Konteks Keadaan Ekonomi Global'. Sesi perbincangan terakhir pada Selasa membabitkan aspek kebudayaan dengan tajuk 'Isu Pendidikan, Sosial dan Kebudayaan: Pembangunan Sumber Manusia dan Pertukaran Pelajar: Mengukuhkan Persefahaman, Mengurangkan Kemiskinan dan Meningkatkan Peluang Kerja'.

Dalam beberapa mesyuarat sebelum ini, antara isu yang hangat dibincangkan ialah soal hak manusia, globalisasi, kerangka kewangan baru dan penyertaan ahli baru dalam Asem.

Selepas mesyuarat itu, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah juga dijangka meluangkan masa bertemu dengan rakyat Malaysia di Denmark sebelum berlepas ke sebuah negara Eropah untuk bercuti.